

04 AUG 1997

Mahathir-Penerbangan

RAKYAT M'SIA PERLU TANAM MINAT DALAM BIDANG PENERBANGAN

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia harus menanam minat dalam bidang penerbangan selain belajar mencintai kapal terbang.

"Penerbangan memerlukan penelitian dan kecintaan bagi penerbangan dan kapal terbang dan oleh kerana itu sesetengah orang mengembara ke seluruh dunia untuk mencari pesawat lama bagi dibaikpulih seperti sedia kala," katanya.

Beliau berucap pada jamuan malam bersempena perasmian Konvensyen dan Pameran Langkawi Oshkosh East Fly-In 1997 di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata terdapat kecenderungan di kalangan sesetengah orang untuk menyetepikan pesawat lama apabila ia mula menimbulkan kerosakan.

"Bagaimanapun, pemikiran sedemikian belum lagi tersemam di kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata minat untuk mencintai kapal terbang lama hanya terdapat di kalangan mereka yang meminati bidang penerbangan.

"Mereka gembira jika dapat membaik-pulih pesawat lama yang boleh digunakan seperti baru," katanya.

Dr Mahathir juga berharap Langkawi Fly-In akan menarik lebih banyak pesawat pada masa hadapan.

Beliau juga gembira dengan keputusan Fly-In dan penyertaan kesemua juruterbang dari negara-negara asing. -- BERNAMA

NH AKD